

Surat Terbuka

Lebih Baik Arak Diharamkan Daripada “Bulan Bintang”

Saya sangat-sangat berduka-cita manakala membaca berita keputusan mesyuarat UMNO bahagian Mata Ayer, Perlis, yang meminta supaya kerajaan mengharamkan “bulan bintang” simbol parti politik (tegasnya PAS), katanya biarlah “bulan bintang” menjadi simbol umat Islam seluruh dunia.

Pada pendapat saya sebagai seorang Islam dan menjadi seorang anggota PAS yang mengambil simbol “bulan bintang” sebagai simbolnya dalam pilihanraya, saya dukacita di atas keputusan tersebut, kerana menurut saya tidak ada satu pun faedahnya kepada kerajaan, kalau simbol tersebut diharamkan. Tidak ada nas agama yang melarang “bulan bintang” itu menjadi simbol. Menurut saya inilah sahaja parti (parti Islam) yang cuba bahkan telah bekerja sedaya upaya hendak menegakkan kedaulatan Islam supaya sesuai namanya (simbolnya) untuk menyatupadukan serta mengamalkan ajaran Islam, jangan hanya tinggal nama sahaja yang dimegah-megahkan.

Saya menyeru kepada anggota-anggota UMNO bahagian tersebut lebih baik saudara bersama-sama dengan rakan saudara meminta kepada kerajaan supaya arak, judi, joget dan sebarang pekerjaan atau perintah yang bertentangan dengan ajaran

Islam atau merendahkan ajaran-ajarannya itu diharamkan dalam negara kita dan saya tetap menyokong seratus peratus, bukankah itu lebih baik?

Orang Melayu yang beragama Islam yang ada di dalam Perikatan, Progressive, Socialist Front, Negara dan lain-lain parti itu seperti PAS adalah bersaudara. Semuanya, satu Tuhan, satu pegangan iaitu Quran dan hadis.

Kita semua sepatutnya bersatu padu di atas satu dasar atau satu jalan serta berganding bahu menuju keredaan Tuhan kita Allah ‘azza wa jalla, bersama menunaikan kewajipan kita untuk kedaulatan Islam dan menjadikan undang-undang Islam itu undang-undang negara. Marilah kita bersatu, sebangsa, seagama dan setanah air di atas aliran ini untuk keredaan-Nya, bersatulah kita wahai umat Islam untuk mempertahankan segala pencerobohan ke atas agama Allah, kerana inilah pusaka kita yang ditinggalkan oleh Junjungan besar kita Muḥammad (SAW) kepada kita, dan janganlah kita leka dalam keadaan merebut pangkat dan harta benda dengan jalan haram.

Insaflah dan sedarlah, sekarang tiba masanya kita bangun kembali, kita tidak akan jatuh lagi sekiranya kita sebenar-benarnya beriman. Moga-moga Tuhan akan memberi hidayah untuk kita berdiri tegak menunaikan kawajipan dan tanggungjawab kita bersama kepada agama, bangsa dan tanah air – *āmin wa billahi tawfīq*.

Hormat dari saya yang benar
Muhammad Turus bin Daeng Malbek
(Ketua Pemuda PAS negeri Johor)